



30 April 2012  
30 April 2012  
P.U. (A) 120

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) 2012

### NATIONAL SPEED LIMIT (AMENDMENT) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Had Laju Kebangsaan (Pindaan) 2012.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 April 2012.

**Pindaan Jadual**

2. (1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 [P.U. (A) 18/1989] dipinda dalam Jadual dengan menggantikan butiran 17 dengan butiran berikut:

“17. Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 yang bermula dari kilometer 365.544 Persimpangan Bertingkat Bukit Besi (di koordinat U -15392.721, T +33595.713 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 424.793 (di koordinat U +34307.904, T +13156.195 Grid Cassini Negeri Terengganu) (kedua-dua jarak diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak, Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 1 dan Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 2) termasuklah Persimpangan Bertingkat Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Persimpangan Jalan Telemung, Persimpangan Bertingkat Telemung dan jalan-jalan sambungannya.”.